

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	ISU LETUPAN KUARI DI BANDAR BAHARU : PENGUSAHA SEDIA BAIKI KEROSAKAN RUMAH
	SUMBER	BH (10 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (NASIONAL)

## Isu letupan kuari di Bandar Baharu

# Pengusaha sedia baiki kerosakan rumah

**Alor Setar:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah menjalankan siasatan berhubung dakwaan letupan kuari di Bandar Baharu sehingga menyebabkan kerosakan rumah penduduk di kawasan berhampiran.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata hasil pemeriksaan dan siasatan dijalankan tahap bunyi serta gegaran di tapak kuari berkenaan mematuhi had ditetapkan dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Beliau berkata, semakan JAS Kedah terhadap rekod letupan kuari membabitkan parameter *Peak Sound Pressure Level (PSPL)* serta *Peak Vector Sum* bagi mengukur tahap bunyi dan gegaran yang didengar penduduk berdekatan.

"Siasatan JAS Kedah semalam (kelmarin) membabitkan pemeriksaan di kuari, sekitar kuari serta rumah penduduk terbabit.

"Pengukuran bunyi dan getaran dilaksanakan di lokasi rumah pengadu sebagai stesen pemantauan yang terletak kira-kira 650 meter dari kawasan letupan ketika aktiviti letupan dijalankan oleh pengusaha kuari," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Sharifah Zakiah berkata, hasil



Aktiviti kuari berhampiran Kampung Padang dekat Bandar Baharu yang didakwa mematuhi SOP ditetapkan Jabatan Mineral dan Geosains.

(Foto ihsan JAS)

perbincangan antara JAS Kedah dengan syarikat kuari, keputusan dicapai untuk pengusaha kuari menanggung kos membaiki kerosakan rumah penduduk.

Beliau berkata, pada dasarnya syarikat kuari mematuhi zon penampakan di mana jarak rumah ke kuari sekitar 650 meter (lebih 500 meter) dan mematuhi had bunyi dan gegaran ditetapkan JMG, namun impak sebenar yang berlaku kepada perumahan penduduk ti-

dad wajar diabaikan.

"JAS Kedah akan lebih kerap memantau operasi kuari dan akan berbincang dengan lain-lain agensi, terutama JMG dengan mengesyorkan langkah pembalakan yang perlu diambil syarikat kuari bagi mengelakkan kejadian berulang.

"Notis Arahan di bawah Seksyen 37 (1) (d) dikeluarkan kepada pemaaju untuk mengemukakan laporan peletupan dan kawa-

lan peletupan dilaksanakan di tapak.

"Pemaaju diarahkan untuk sentiasa mematuhi semua syarat ditetapkan oleh pihak berkuasa dan melaporkan sebarang insiden yang berlaku khususnya membabitkan konflik dan kacau ganggu kepada penduduk," katanya.

Jumaat lalu, Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meenakshi Raman, dilaporkan meminta kerajaan Kedah dan pihak berkuasa memantau dan menjalankan siasatan berhubung kejadian letupan kuat luar biasa di Kampung Padang, yang didakwa berlaku pada Rabu lalu.

Letupan kuat kira-kira jam 2.15 petang itu mengejutkan penduduk, selain menyebabkan kerosakan rumah berhampiran dipercayai berpunca aktiviti pemecahan bongkah batu oleh pengusaha kuari terbabit.

Mengulas lanjut Sharifah Zakiah berkata, susulan itu JAS Kedah menggerakkan pasukan siasatan ke kuari dan rumah penduduk berdekatan kelmarin.

Katanya, JAS Kedah mengetahui insiden berkenaan melalui pihak media yang meminta maklum balas berkaitan kejadian.

Sebarang aduan boleh disampaikan terus kepada JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 dan sistem e-aduan JAS, iaitu [e.aduan.doe.gov.my](http://e.aduan.doe.gov.my).

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**